

10 AUG 1998

Komanwel-Muhyiddin

TEGURAN DR MAHATHIR PERLU DIPANDANG BERAT SEMUA ATLIT

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pegawai dan pemain badminton negara yang mengutamakan pendirian masing-masing daripada kepentingan negara perlu dipandang berat oleh semua pihak, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Teguran itu paling tepat dan sesuai pada masanya. Ia perlu dipandang berat oleh semua atlit dan pegawai sukan di negara ini," katanya ketika mengulas teguran Dr Mahathir di Langkawi semalam.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melancarkan skim galakan insentif atlit ke Sukan Komanwel tajaan Sony (M) Sdn Bhd, Muhyiddin berkata teguran itu lahir dari hasrat Perdana Menteri yang tidak mahu melihat sukan di negara ini dilanda kontroversi dan mahu imej Malaysia yang baik.

Katanya atlit dan pegawai perlu meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan persatuan.

"Pemain dan pegawai masing-masing macam tak pandang berat tentang masalah kepentingan negara tetapi lebih mengutamakan pendirian masing-masing," kata Dr Mahathir ketika mengulas krisis yang melanda skuad badminton negara dalam menghadapi Sukan Komanwel.

"Saya tak nak campur tangan dalam perkara ini," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melawat Lapangan Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (LISRAM) semalam.

Krisis antara Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Kelab Nusa Mahsuri membabitkan penyertaan pemain perseorangan Roslin Hashim yang bertegas mahukan jurulatih peribadinya Misbun Sidek turut serta dalam skuad Sukan Komanwel.

Campur tangan Muhyiddin untuk menyelesaikan kemelut itu juga gagal dan BAM akhirnya memutuskan menggugurkan terus pemain itu dari temasya itu.

Muhyiddin berkata atlit yang terpilih mewakili negara bermain bukan atas nama individu tetapi atas nama negara.

"Oleh itu, pandangan Perdana Menteri perlu diterima oleh semua atlit dan mereka perlu menumpukan kepada usaha meninggikan prestasi," kata beliau.

-- BERNAMA

AR AHH